

### LESBIAN, GAY, BISEKSUAL AND TRANSGENDER ACCORDING TO THE PERSPECTIVE OF SYARIAH AND CIVIL LAW IN MALAYSIA: A COMPARISON WITHIN TWO LAW

### LESBIAN, GAY, BISEKSUAL DAN TRANSGENDER (LBGT) MENURUT PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG SIVIL DI MALAYSIA: SUATU PERBANDINGAN

Azman Ab. Rahman<sup>1</sup>, Mohamad Anwar Zakaria<sup>2</sup>, Mursyid Junaidi Mohd Faisal Yeap<sup>3</sup> & Nur Fatihah Amlin Ab. Ghani<sup>4</sup>

- <sup>1</sup> Timbalan Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD, International Fatwa and Halal Centre (iFFAH), Universiti Sains Islam Malaysia. azman@usim.edu.my
- <sup>2</sup> Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. anwarzakaria8055@gmail.com
- <sup>3</sup> Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. mursyidjunaidi@yahoo.com
- <sup>4</sup> Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. amlinfatihah@gmail.com

**Vol. 8. No. 1**  
**August Issue**  
**2020**

#### **Abstract**

*Recently, there are issues related to homosexuality also known as LGBT. These issues are increasingly spreading and become norms among Malaysians in general as well as Muslims in particularly. LGBT is an abbreviation for lesbian, gay, bisexual and transgender referred to those who practice same-sex relationship. Generally, based on perspective of Islamic and Civil law, activities involving this kind of relationship is classified as an offence. The prosecution against this offence may be committed by enforcement officer or public prosecutor in accordance with the provisions set out in the syariah law and civil law. Therefore, the objective of this study is to identify the provisions related to LGBT that are provide in Islamic and Civil Law. In addition, this study also discusses the comparison of punishments for LGBT offenders between Syariah and Civil law. This study uses a qualitative approach that includes documentation in the data collection process. The results of the study found that there was a difference between the provisions of Syariah criminal law and civil criminal law. The scope of provisions relating to misconduct of LGBT provided by Islamic Law is wider and specific than Civil Law. Meanwhile, the punishments that are provided for LGBT offenders in Islamic Law are lower than civil law. Further studies will be conducted to find legal provisions which are more specific to express prevention and prevail the issue of LGBT in Malaysia. This study is expected to provide a preliminary picture on the comparison of the provisions of the syariah and civil criminal law in addressing this LGBT issue.*

Keywords: *LGBT, Law, Homosexuality, Muslims, Sex.*

### **Abstrak**

*Pada akhir-akhir ini isu berkaitan hubungan sejenis atau dikenali juga sebagai LGBT semakin menular dan bermaharajela dalam kalangan rakyat Malaysia secara amnya dan umat Islam secara khususnya. LGBT adalah singkatan kepada lesbian, gay, biseksual dan transgender yang ditujukan kepada golongan yang mengamalkan perlakuan hubungan sejenis. Umumnya, mengikut perspektif undang-undang syariah dan juga sivil gejala yang melibatkan hubungan sejenis ini dikira sebagai suatu kesalahan. Dakwaan terhadap kesalahan ini boleh dilakukan oleh penguatkuasa mengikut peruntukan yang dikhaskan dalam undang-undang jenayah syariah mahupun sivil. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti peruntukan yang terdapat dalam undang-undang syariah dan sivil berkaitan dengan LGBT. Selain itu, kajian ini juga membincangkan perbandingan hukuman bagi pesalah LGBT antara undang-undang Syariah dan Sivil. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang meliputi kaedah dokumentasi dalam proses pengumpulan data. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat perbezaan peruntukan antara undang-undang jenayah Syariah dan undang-undang sivil. Skop peruntukan berkaitan salah laku LGBT yang dikawal oleh undang-undang syariah adalah lebih meluas dan spesifik berbanding undang-undang sivil. Manakala dari aspek hukuman pula, hukuman yang dikenakan dalam perundangan syariah adalah lebih rendah dan ringan berbanding dengan hukuman yang diperuntukkan dalam perundangan sivil. Kajian lanjutan akan dijalankan untuk mengkaji peruntukan undang-undang yang lebih spesifik dan eksplisit demi membanteras dan mengawal gejala LGBT daripada terus berleluasa dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran awal terhadap perbandingan peruntukan undang-undang jenayah syariah dan sivil dalam menangani isu LGBT ini.*

*Kata kunci: LGBT, Undang-undang, Hubungan Sejenis, Umat Islam, Seks.*

### **PENDAHULUAN**

Sejak akhir-akhir ini masalah yang melibatkan golongan LGBT semakin menular dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Terdapat pelbagai isu yang timbul melibatkan golongan LGBT antaranya adalah isu tuntutan hak asasi, ketidakpuashatian terhadap peruntukan undang-undang, isu gejala seksual sesama jantina dan juga isu kecelaruan jantina.

Pada 9 Mac 2019, negara kita telah dihebohkan dengan isu perhimpunan LGBT yang dikatakan telah disertai oleh 1000 orang peserta termasuklah penyokong LGBT (Alias, 2019).

Perhimpunan ini telah diadakan bertujuan untuk menuntut hak kesamarataan jantina serta penghapusan diskriminasi jantina dalam kalangan golongan LGBT.

Tuntutan yang dibuat oleh mereka ini adalah tidak berasas dan jelas menyalahi prinsip yang telah digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan. Selain daripada tuntutan hak asasi, terdapat juga isu tuntutan dan yang dibuat oleh Pakatan NGO Malaysia Di Dalam Proses UPR (COMANGO) terhadap kerajaan untuk meminda seksyen 377A Kanun Keseksaan berhubung jenayah liwat atas alasan bahawa jenayah liwat merupakan undang-undang yang sudah lapuk dan tidak relevan serta mendatangkan kesusahan kepada golongan homoseksual.

Pakatan ini mengesyorkan supaya Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di negeri-negeri seluruh Malaysia dimansuhkan dan dipinda kerana didakwa bertentangan dengan hak kebebasan peribadi (Arif, Shafie, Hanapi,

& Hassan, 2018).

Dakwaan yang dibuat oleh pakatan COMANGO ini adalah tidak benar kerana peruntukan undang-undang yang digubal oleh pihak kerajaan adalah bertujuan untuk menjaga keharmonian masyarakat daripada ideologi dan perlakuan yang bertentangan dengan mana-mana prinsip moral kemanusiaan.

Sebagai contoh hukuman sebat terhadap dua orang pesalah lesbian yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah Terengganu membuktikan pihak berkuasa serius melaksanakan undang-undang untuk membendung amalan LGBT di negara ini (Baharin, 2018).

Ini bermakna peruntukan undang-undang berkaitan LGBT masih lagi relevan untuk membendung gejala LGBT. Justeru, artikel ini akan mengenalpasti secara terperinci peruntukan yang terdapat dalam perundangan syariah dan perundangan sivil yang boleh diguna pakai untuk membendung gejala LGBT.

Artikel ini juga akan menganalisis perbandingan peruntukan yang terdapat dalam perundangan syariah dan sivil. Di samping itu juga beberapa cadangan akan diutarakan untuk meningkatkan lagi keberkesanan peruntukan dalam menangani permasalahan LGBT di Malaysia.

#### **DEFINISI DAN KONSEP LGBT**

Secara umumnya, LGBT adalah singkatan daripada perkataan (Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender) yang merupakan gelaran yang diberikan terhadap golongan-golongan yang berkelakuan menyalahi adat dan norma kemanusiaan dalam konteks perilaku seksual mahupun penampilan.

Selain itu, LGBT ini juga merujuk kepada Gerakan Homoseksual yang mendedahkan diri mereka kepada masalah pelacuran/homoseksualiti dan jangkitan HIV/AIDS (Zakaria & Dollah, 2012). Terdapat 2 istilah asas yang merangkumi konsep LGBT. Pertama, istilah homoseksual dan kedua adalah istilah hetroseksual.

Menurut kamus dewan edisi

keempat, homoseksual bermaksud golongan yang cenderung tertarik dari segi seks kepada orang yang sama jenis jantina dengannya (Kamus Dewan, 2007).

Manakala istilah yang berlawanan dengan homoseksual pula adalah hetroseksual. Hetroseksual bermaksud golongan yang cenderung tertarik dari segi seks kepada orang yang berlainan jantina dengannya (Kamus Dewan, 2007). Golongan yang digelar sebagai LGBT ini boleh dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu:

#### **Lesbian**

Lesbian merupakan satu bentuk hubungan yang dijalinkan secara sejenis iaitu di antara wanita dengan wanita (Sophie, 1986). Menurut Kamus Dewan, lesbian merupakan perempuan yang mempunyai tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya, atau dikenali juga sebagai perempuan homoseksual (Kamus Dewan, 2007). Manakala lesbian menurut perspektif Islam disebut sebagai istilah musahaqah.

Istilah musahaqah berasal daripada perkataan *السَّحْقُ* yang bermaksud lembut dan yang halus. Kemudian dari kata dasar ini, diterbitkan kepada perkataan *مُسَاخَقَةُ النِّسَاءِ*, yang bererti hubungan badan yang dilakukan oleh dua orang wanita sebagaimana yang dilakukan oleh kaum Lut (Manzur, 1990).

Sebagian ulama seperti Imam Alusy menyamakan hubungan seksual ini dengan perilaku kaum Lut (iaitu hubungan seksual lelaki), karena illah (alasan) perbuatannya sama, iaitu penyimpangan hubungan seksual yang dilaknat oleh agama (Al-Alusy, 2010). Hubungan seksual ini juga terpesong daripada norma masyarakat yang wajar, bahkan semua agama menentangnya (Ahmad et al., 2015).

#### **Gay**

Gay bermaksud lelaki yang mempunyai tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya, atau dikenali juga sebagai lelaki homoseksual (Kamus Dewan, 2007). Secara khususnya gay juga boleh

didefinisikan sebagai individu yang berjantina lelaki yang berperwatakan lelaki, memakai pakaian lelaki dan menjalani hidup seperti seorang lelaki namun teransang secara seksual terhadap individu lelaki yang lain (Esa, 2008).

Gay sinonim dengan perkataan liwat yang berasal daripada perkataan Lut iaitu Nabi yang diutuskan oleh Allah kepada masyarakat di Sodom dan Gemorah untuk mencegah perbuatan mereka yang melakukan hubungan sejenis antara lelaki.

Liwat menurut syarak bermaksud hubungan seks antara sesama lelaki dan juga hubungan seks antara lelaki dengan perempuan yang bukan isterinya melalui dubur secara rela (Al-Bigha, 1989). Menurut al-Syeikh Muhammad Ali al-Sabuni dalam kitab Tafsir Ayat al-Ahkam, liwat adalah lelaki yang menyetubuhi lelaki (Al-Sabuni, 1980). Perbuatan ini adalah perbuatan yang sangat dilarang dalam Islam serta mendatangkan kesan yang buruk terhadap seseorang individu.

### **Biseksual**

Biseksual boleh ditakrifkan sebagai individu yang cenderung untuk melakukan hubungan seks dengan lelaki dan juga wanita (Kamus Dewan, 2007).

Biseksual juga merupakan identiti seksual berganda atau seksual sekunder yang menunjukkan tingkah laku atau aliran seksual seseorang, sama ada lelaki atau perempuan yang tertarik atau terdorong secara seksual dan ghairah kepada dua jenis kelamin (S. Deraman, Hamjah, Mokhtar, Asikin, & Raffar, 2017).

Pasangan yang terlibat dalam perlakuan seks di bawah kategori ini termasuklah pasangan yang mengamalkan persetubuhan sebelum berkahwin dan sesudah berkahwin iaitu dengan menukar pasangan berkahwin dengan orang lain (Haridi & Salleh, 2016).

### **Transgender**

Transgender ialah istilah bersifat inklusif yang merujuk kepada sesiapa sahaja yang mendapati jantina yang diberikan kepadanya semasa lahir tidak serasi

dengan naluri jantina yang dirasainya berdasarkan pengalaman hidupnya dan jika diberi pilihan, ekspresi jantina yang ingin mereka tampilkan adalah berbeza (Watch, 2014).

Contohnya seperti bayi yang baru dilahirkan diberikan jantina lelaki berdasarkan alat kelaminnya tetapi jantina yang diberikan oleh doktor tersebut tidak selari dengan naluri, perasaan, cara dia melihat dirinya sendiri dan pengalaman hidupnya. Seorang transgender boleh saja mempunyai identiti social seperti heteroseksual, biseksual, gay, atau bahkan aseksual (JAKIM, 2017).

Selain itu, terdapat satu lagi istilah yang berkait rapat dengan konsep transgender iaitu istilah transeksual. Transeksual bermaksud seseorang (lelaki atau perempuan) yang berperasaan dan berpenampilan sebagai anggota jantina yang satu lagi, dan kadang-kadang menukar organ jantintanya melalui pembedahan (Kamus Dewan, 2007).

Transeksual juga merupakan istilah lama yang merujuk secara khusus kepada individu yang mahu menjalani transisi secara perubatan, iaitu menjalani terapi hormon dan/atau pembedahan untuk mengukuhkan identitinya (Media, 2018).

Istilah transgender adalah berbeza dengan transeksual. Ini kerana istilah transgender merupakan istilah umum yang mana merangkumi kesemua individu yang merasakan naluri serta perasaannya tidak selaras dengan jantina yang diberikan kepadanya selepas lahir.

Manakala transeksual pula merupakan istilah atau gelaran khusus yang tidak semestinya diguna pakai oleh individu yang menjalani pembedahan organ dan terapi hormon tersebut. Mereka lebih gemar untuk menggunakan istilah lebih baharu seperti trans woman, trans man atau transgender person (Media, 2018).

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa transgender merupakan gelaran kepada golongan yang mendapati naluri jantintanya berlawanan dengan jantina asalnya manakala transeksual pula

merupakan perlakuan menukar jantina daripada jantina asal kepada jantina yang berlawanan melalui pembedahan organ dan sebagainya.

### LGBT MENURUT PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG SYARIAH

Perlakuan seksual yang menyalahi adat kemanusiaan merupakan amalan yang tercela dalam Islam. Perbuatan ini dilarang kerana bertentangan dengan hukum syarak. Allah SWT telah berfirman dalam Al-Quran:

﴿وَلَوْطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَاحِشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِنْ دُونِ النِّسَاءِ ۗ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ﴾

Maksudnya, "Dan Nabi Lut ketika ia berkata kepada kaumnya: Patutkah kamu melakukan perbuatan keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun di dunia ini? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsumu bukan kepada wanita, bahkan kamu adalah kaum yang melampaui batas." (al-Quran. Al-A'raf: 80-81)

Ibn Abbas juga telah meriwayatkan:

{ لا تباشر المرأة المرأة إلا وهما زانيتان، ولا يباشر الرجل الرجل إلا وهما زانيان }

Maksudnya, "Tidaklah seorang wanita itu bersedap-sedapan dengan seorang wanita melainkan mereka adalah berzina, dan tidaklah seorang lelaki bersedap-sedapan dengan seorang lelaki melainkan mereka juga (sedang) berzina" (Hadis. Al-Tabrani, 1995).

Selain itu, terdapat juga fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan berkenaan isu transgender yang berlaku di Malaysia. Fatwa ini telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja dalam mesyuaratnya kali ke-126 pada 24 Februari 1983. Fatwa tersebut adalah seperti berikut:

- a) Pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan atau

sebaliknya melalui pembedahan adalah haram dari segi syarak, dan

- b) Seseorang yang dilahirkan "khunsa musykil" iaitu manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluan lelaki dan perempuan diharuskan pembedahan bagi mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi supaya dapat digunakan mengikut keadaan yang sesuai.

Di Malaysia, perlakuan LGBT adalah dikira sebagai suatu kesalahan di bawah peruntukan undang-undang syariah negeri-negeri. Undang-undang syariah yang dilaksanakan di negeri-negeri ini terdiri daripada dua kategori iaitu undang-undang Mal dan undang-undang Jenayah.

Undang-undang Mal ialah undang-undang yang mengawal hak dan tanggungan (liabiliti) sivil antara seseorang individu dengan individu lain atau masyarakat. Manakala undang-undang jenayah adalah undang-undang yang mengawal dan menghukum perlakuan yang dianggap salah di sisi prinsip serta perundangan jenayah syariah yang dilakukan oleh individu terhadap individu lain atau masyarakat (Mahfuzah, 2015).

Sekiranya terdapat individu yang melakukan perbuatan LGBT maka individu tersebut boleh didakwa di bawah peruntukan undang-undang jenayah syariah. Jenis salah laku LGBT yang berada di bawah bidangkuasa undang-undang jenayah syariah boleh dikategorikan kepada dua iaitu kesalahan secara langsung dan juga kesalahan secara tidak langsung.

### KESALAHAN SECARA LANGSUNG

#### Kesalahan Liwat

Liwat menurut perspektif undang-undang syariah adalah perhubungan seks sesama lelaki. Seksyen 25 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) memperuntukkan bahawa jika mana-mana lelaki yang melakukan

kesalahan liwat jika disabitkan kesalahan akan didenda tidak melebihi RM5000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau disebat tidak melebihi 6 sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

### **Kesalahan Lelaki Berlagak Seperti Perempuan**

Lelaki berlagak seperti perempuan bermaksud seseorang lelaki itu bergaya dan bertingkah laku seperti seorang perempuan seperti gaya berjalan, bersolek dan berpakaian (Ismail, 2017). Kesalahan ini dikenali juga sebagai kesalahan pondan.

Contohnya dalam Seksyen 7 Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan memperuntukkan seseorang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu RM1000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.

### **Kesalahan Perempuan Berlagak Seperti Lelaki**

Kesalahan ini adalah berlawanan dengan kesalahan pondan. Bagi kesalahan ini hanya Dewan Undangan Negeri Pahang dan Sabah yang telah mengambil inisiatif kawalan melalui mekanisme perundangan dengan menggubal peruntukan eksplisit yang menetapkan perlakuan tersebut sebagai satu kesalahan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995 (Arif et al., 2018).

Seksyen 34 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013 memperuntukkan:

*"Mana-mana perempuan yang memakai pakaian lelaki dan berlagak seperti lelaki di mana-mana tempat awam atas tujuan yang tidak berakhlak melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM1000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya".*

### **Kesalahan Musahaqah**

Musahaqah dalam tafsiran Akta atau Enakmen Jenayah Syariah bererti perhubungan seks antara perempuan dengan perempuan. Seksyen 26 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) memperuntukkan: *"Mana-mana orang perempuan yang melakukan musahaqah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau disebat tidak melebihi 6 sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu".*

### **Kesalahan Perhubungan Jenis Luar Tabie**

Seks luar tabie bermaksud perlakuan seks yang tidak boleh diterima secara sosial dan juga tidak diterima oleh kebanyakan agama dan budaya (Nasir, 2012). Contohnya seperti melakukan seks dengan haiwan, liwat, sumbang mahram dan lain-lain.

Terdapat beberapa buah negeri sahaja yang memperuntukkan kesalahan berkaitan dengan perhubungan seks luar tabie antaranya adalah negeri Melaka, Sabah, Selangor dan juga Negeri Sembilan.

Sebagai contoh Seksyen 65 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan memperuntukkan sesiapa yang mengadakan perhubungan jenis dengan mana-mana lelaki, perempuan atau binatang dengan cara berlawanan dengan tabie semulajadi hendaklah dikenakan takzir dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak RM5000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dari 36 bulan atau dirotan tidak melebihi 6 kali rotan atau mana-mana gabungan dari hukuman tersebut.

### **Kesalahan Hubungan Jenis Antara Orang Yang Sama Jantina**

Kesalahan ini merangkumi kesalahan hubungan sejenis sama ada hubungan lelaki dengan lelaki atau pun hubungan perempuan dengan perempuan. Misalnya, Seksyen 27 Enakmen Jenayah

Syariah Negeri Selangor memperuntukkan:

*“Mana-mana orang yang melakukan hubungan jenis dengan orang yang sama jantina dengannya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM2000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya”.*

### **Kesalahan Perbuatan Tidak Sopan**

Arahan Amalan No 8 Tahun 2005, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah menghuraikan perbuatan tidak sopan adalah merujuk kepada berkelakuan yang tidak sopan di khalayak awam termasuklah bercumbu-cumbuan, berpeluk-peluk, membuat pertuturan atau isyarat lucu atau berpakaian mengghairahkan atau lain-lain perbuatan yang tidak sopan yang bertentangan dengan hukum syarak.

Kesalahan ini kebiasaanya dilakukan oleh golongan transgender lelaki yang berpakaian seperti wanita dengan mengenakan pakaian yang mengghairahkan.

Menurut Seksyen 29 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan), mana-mana individu yang berkelakuan tidak sopan bertentangan dengan Hukum Syarak ditempat awam, apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM1000 atau dipenjarakan tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.

### **KESALAHAN SECARA TIDAK LANGSUNG**

#### **Kesalahan Tidak Mematuhi Fatwa**

Kesalahan tidak mematuhi fatwa ini boleh juga disabitkan terhadap pesalah LGBT khususnya golongan transgender yang telah menukar organ jantina mereka melalui pembedahan. Tetapi sehingga kini masih belum terdapat lagi negeri yang telahewartakan fatwa berkenaan LGBT yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

Menurut peruntukan dalam Akta, Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Undang-undang Islam negeri-negeri yang ada sekarang, fatwa hanya boleh

dikuatkuasakan apabila diwartakan di dalam warta oleh pentadbiran undang-undang negeri masing-masing. Apabila sesebuah negeriewartakan fatwa, fatwa tersebut akan mengikat orang yang tinggal di negeri di mana fatwa tersebut dikeluarkan (Zaini, 2005).

Sebagai contoh, Seksyen 34 (3) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan memperuntukkan apabila disiarkan dalam Warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang bermastautin di Wilayah-Wilayah Persekutuan sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajibannya di sisi agama untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan, kepercayaan, atau pendapat peribadi. Sekiranya fatwa yang telah diwartakan tersebut tidak dipatuhi maka ia akan menjadi suatu kesalahan.

Seksyen 9 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) memperuntukkan mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina pihak berkuasa agama atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, Majlis atau Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM3000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

#### **Kesalahan Menggalakkan Maksiat**

Kesalahan menggalakkan maksiat ini boleh disabitkan kepada mana-mana individu yang mempromosi atau menganjurkan apa-apa pesta yang berkaitan LGBT.

Ini kerana penganjuran festival atau pesta berkaitan gejala seks songsang ini secara tidak langsung akan menggalakkan perlakuan maksiat dalam kalangan masyarakat. Seksyen 35 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-

Wilayah Persekutuan) telah memperuntukkan mana-mana orang yang menganjurkan, mendorong atau menggalakkan orang lain untuk melakukan apa-apa maksiat adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.

### **LGBT MENURUT PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG SIVIL**

Undang-undang sivil boleh diklasifikasikan sebagai undang-undang awam, undang-undang antarabangsa dan juga undang-undang persendirian (Awal, 2017). Peruntukan undang-undang berkaitan LGBT terletak dibawah kawalan undang-undang awam. Fungsi undang-undang awam adalah untuk mengawal hubungan antara individu dan negara yang mana merangkumi undang-undang jenayah, perlembagaan, pentadbiran dan industri (Awal, 2017).

Secara umumnya, dalam konteks kesalahan yang melibatkan gejala LGBT, tiada peruntukan undang-undang yang spesifik atau khusus digubal oleh badan legislatif persekutuan; iaitu Parlimen mahupun badan perundangan negeri-negeri bagi menangani permasalahan tersebut (Arif et al., 2018). Peruntukan yang terdapat dalam undang-undang sivil hanyalah bersifat umum sahaja. Antara peruntukan undang-undang sivil yang dikenalpasti berkuat kuasa untuk membendung golongan LGBT adalah seperti berikut:

#### **Perlembagaan Persekutuan**

Fasal (1) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa Islam ialah agama bagi Persekutuan tetapi dalam masa yang sama agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan.

Selain itu, Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa kebebasan beragama juga tidak membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan

mana-mana undang-undang am yang berhubungan dengan ketenteraman awam, kesihatan awam atau prinsip moral sebagaimana yang dinyatakan di bawah Perkara 11(5) Perlembagaan Persekutuan (Zakaria & Dollah, 2012).

Jadi di sini menunjukkan bahawa amalan gaya hidup songsang yang diamalkan oleh golongan LGBT di Malaysia jelas bertentangan dengan kedudukan Islam serta prinsip moral yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tambahan pula Tun Dr. Mahathir Mohamad juga telah menegaskan bahawa Malaysia tidak boleh menerima sepenuhnya nilai-nilai hak asasi manusia diamalkan di negara-negara Barat merangkumi lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) serta perkahwinan sejenis kerana nilai-nilai yang dipegang oleh Malaysia adalah berbeza dengan masyarakat Barat (Utusan, 2018).

Bagi golongan LGBT yang menuntut hak kesamarataan dari sudut hak asasi, tuntutan ini sepatutnya tidak timbul. Ini kerana hak pendidikan, rawatan kesihatan, pekerjaan dan perlindungan keselamatan telah pun diberikan selama ini tanpa diskriminasi (A. A. Deraman, 2018).

Berdasarkan Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan jelas mengatakan bahawa semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan sama rata di sisi undang-undang. Manakala Perkara 8(2) pula memperuntukkan bahawa tidak boleh ada diskriminasi terhadap warga negara semata-mata, antara lain, atas alasan agama atau jantina dalam mana-mana undang-undang.

Sehubungan itu, kerajaan sentiasa memastikan setiap undang-undang yang digubal di negara ini mematuhi kehendak Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan tersebut (Mahfuzah, 2015). Selain itu, berdasarkan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan ini juga jelas bahawa apa yang dilindungi oleh Perlembagaan ialah hak kesamarataan jantina seseorang dan bukannya kecenderungan seks seseorang seperti lesbian, gay dan dwiseksual



(Zakaria & Dollah, 2012). Justeru, hak sebagai lelaki dan perempuan bagi golongan LGBT yang mengamalkan gaya hidup songsang ini tetap dilindungi tetapi bukan hak kecenderungan seks mereka sesama jantina kerana ia jelas menyalahi nilai Islam dan prinsip moral.

#### **Kanun Keseksaan (Akta 574)**

Menurut perspektif undang-undang sivil, gejala seks songsang yang diamalkan oleh golongan LGBT diklasifikasikan sebagai kesalahan jenayah seks luar tabie yang mana telah diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan.

Antara peruntukan Kanun Keseksaan yang boleh dikuatkuasakan untuk mendakwa pesalah LGBT adalah Seksyen 377A, 377B, 377C dan 377D. Berdasarkan Seksyen 377A iaitu persetujuan yang bertentangan dengan aturan tabie sama ada melalui mulut atau dubur, hukuman yang dikenakan adalah penjara sehingga 20 tahun dan boleh juga dikenakan sebatan.

Bagi kesalahan mengikut Seksyen 377B iaitu sesiapa yang melakukan hubungan seks luar tabie secara sukarela, akan dihukum penjara maksimum 20 tahun, termasuk sebatan.

Manakala bagi kesalahan mengikut Seksyen 377C Kanun Keseksaan iaitu persetujuan bertentangan dengan aturan tabie tanpa kerelaan, pesalah boleh dipenjarakan tidak kurang lima tahun dan tidak lebih 20 tahun dan boleh juga dikenakan sebatan.

Seterusnya Seksyen 377D pula memperuntukkan berkeenaan kesalahan melanggar kesopanan dengan melakukan kelucahan melampau, yang mana boleh dikenakan hukuman penjara selama dua tahun. Peruntukan yang sedia ada membawa maksud bahawa pihak kerajaan hari ini tidak menghalalkan sama sekali kewujudan golongan homoseksual di Malaysia.

Pada tahun 2013, terdapat tuntutan daripada organisasi Pakatan NGO Malaysia Di Dalam Proses UPR (COMANGO) untuk memansuhkan Seksyen 377A Kanun Keseksaan. Dengan memansuhkan undang-undang yang

mengharamkan perlakuan homoseksual, gejala LGBT akan terus berleluasa tanpa kekangan dan ini akan merosakkan kesejahteraan institusi kekeluargaan selain membawa kesan kesihatan yang merisaukan (Jamhari, 2018).

#### **Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736)**

Akta ini adalah berhubung dengan hak untuk berhimpun secara aman tanpa senjata berserta sekatan-sekatan yang perlu terhadap perhimpunan yang diadakan bagi menjamin ketenteraman awam.

Akta ini boleh dikuatkuasakan kepada golongan LGBT yang menganjurkan perhimpunan secara haram untuk mempromosikan LGBT. Seksyen 15(2)(f) akta ini memperuntukkan bahawa pihak berkuasa boleh mengenakan sebarang sekatan terhadap perhimpunan atau program yang boleh mengganggu gugat sensitiviti budaya dan agama masyarakat awam.

Seterusnya Seksyen 20 (1)(a) akta ini pula menjelaskan bahawa pihak polis mempunyai kuasa untuk menangkap penganjur atau peserta yang tidak mematuhi sekatan atau syarat yang dikenakan di bawah Seksyen 15.

Selain itu penganjuran perhimpunan tanpa pemberitahuan juga boleh dikenakan tindakan undang-undang. Seksyen 9(5) yang mana memperuntukkan bahawa sekiranya seseorang individu tidak memaklumkan berkeenaan penganjuran perhimpunan sepuluh hari sebelum perhimpunan diadakan kepada Pegawai Majlis Daerah atau Polis adalah melakukan sesuatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM10000.

#### **Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 (Akta 493)**

Akta Hiburan merupakan suatu akta bagi pelesenan dan pengawalan hiburan dan tempat hiburan serta perkara yang berkaitan dengannya. Selain Wilayah Persekutuan, peruntukan kawalan pusat hiburan ini juga telah berkuatkuasa di

negeri-negeri mengikut lokaliti masing-masing contohnya seperti Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan (Negeri Selangor) dan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan (Negeri Kelantan).

Peruntukan ini amat relevan digunakan untuk mengawal penganjuran program-program tidak bermoral anjuran golongan LGBT. Berdasarkan seksyen 4(1) dan (2) Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992, sebarang penganjuran sebarang bentuk hiburan berserta pembukaan tempat hiburan perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan.

Kegagalan mematuhi seksyen ini sekiranya disabitkan dengan kesalahan, boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM10000 tetapi tidak lebih daripada RM50000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

#### **Akta Kesalahan Kecil 1955**

Peruntukan di bawah Akta Kesalahan Kecil 1955 boleh dijadikan asas untuk mengenakan tindakan terhadap golongan LGBT contohnya seperti pondan yang berkelakuan tidak senonoh di khalayak ramai.

Seksyen 21 akta ini memperuntukkan bahawa mana-mana individu yang didapati mabuk dan tidak mampu menjaga kelakuannya, atau didapati bersalah berkelakuan tidak senonoh atau tidak terkawal di jalan terbuka atau di mana-mana tempat awam atau hiburan atau resort, atau di kawasan mahkamah atau mana-mana pejabat atau balai polis atau tempat ibadah sekiranya disabitkan kesalahan boleh didenda maksimum sebanyak RM25 dan penjara maksimum 14 hari untuk kesalahan kali pertama dan denda maksimum RM100 atau penjara maksimum 3 bulan atau kedua-duanya sekali untuk setiap kesalahan yang berulang.

#### **Akta Hasutan 1948**

Akta ini akan terpakai jika terdapat elemen hasutan yang dilakukan oleh

golongan LGBT untuk menghasut orang ramai untuk bersama-sama memperjuangkan hak berkaitan LGBT melalui penganjuran program, penerbitan risalah, demonstrasi atau pun perhimpunan.

Berdasarkan Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 memperuntukkan bahawa mana-mana individu yang melakukan percubaan untuk menghasut, menyebut apa-apa perkataan menghasut atau mencetak, menerbitkan, menjual dan mengimport penerbitan menghasut adalah dikira melakukan kesalahan sekiranya disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama dan bagi kesalahan yang kemudian akan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun; dan apa-apa penerbitan menghasut yang didapati dalam milik orang itu hendaklah dilupuskan sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah.

#### **Akta Komunikasi dan Multimedia 1988 (Akta 588)**

Akta ini berperanan untuk mengawal segala penyebaran dan juga ideologi melalui peralatan komunikasi elektronik yang boleh mendatangkan kesan yang buruk kepada masyarakat.

Akta ini juga boleh juga dikuatkuasakan kepada golongan LGBT yang menyalahgunakan peralatan komunikasi elektronik untuk mempromosikan perlakuan LGBT. Seksyen 233(2)(a) akta ni memperuntukkan mana-mana individu secara sedar menggunakan suatu perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi memberikan apa-apa komunikasi lucah bagi maksud komersial kepada mana-mana orang adalah melakukan suatu kesalahan. Seksyen 233(3) pula menjelaskan bahawa jika seseorang itu didapati bersalah dan disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga boleh didenda

selanjutnya RM1000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan.

### **PERBANDINGAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG SIVIL DALAM MENANGANI PERMASALAHAN LGBT DI MALAYSIA**

Berdasarkan pengenalpastian yang telah dibuat terhadap peruntukan undang-undang syariah dan undang-undang sivil berkaitan LGBT, penulis mendapati terdapat beberapa perbezaan antara peruntukan dalam kedua-dua jenis perundangan ini. Pertamanya adalah perbezaan dari segi skop peruntukan. Skop peruntukan berkaitan kesalahan LGBT di bawah perundangan syariah lebih terperinci dan luas berbanding perundangan sivil.

Kesalahan yang dikawal oleh perundangan syariah adalah meluas merangkumi aspek kesalahan akhlak, kesalahan pemakaian, kesalahan perlakuan seks serta kesalahan menggalakkan perlakuan LGBT.

Manakala peruntukan kesalahan dalam perundangan sivil pula hanya memfokuskan kepada aspek kesalahan perlakuan seks sahaja seperti mana diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan. Selebihnya adalah peruntukan berkenaan kesalahan umum yang mana tidak bersifat menjurus dan spesifik dalam menangani perlakuan LGBT.

Perbezaan yang kedua adalah dari segi had hukuman. Had hukuman yang dikenakan dalam peruntukan undang-undang sivil adalah lebih berat berbanding peruntukan undang-undang syariah yang mengenakan hukuman lebih rendah dan terhad.

Contohnya seperti hukuman bagi kesalahan persetubuhan luar tabie. Bagi kesalahan ini, hukuman yang ditetapkan dalam Kanun Keseksaan adalah penjara selama tempoh tidak kurang 5 tahun dan tidak melebihi 20 tahun berserta sebatan. Manakala hukuman yang dikenakan dalam peruntukan Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan pula adalah denda tidak melebihi RM5000 atau

dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau disebat tidak melebihi 6 sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Keterbatasan hukuman yang wujud dalam undang-undang syariah ini disebabkan oleh peruntukan undang-undang jenayah syariah yang tertakluk kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 atau dikenali juga sebagai Akta 355. Proviso kepada seksyen 2 Akta 355 ini telah menghadkan bidang kuasa mahkamah syariah negeri bagi kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi RM5000.00 atau dengan sebatan tidak melebihi enam kali (Jasri & Hasnizam, 2014).

Seterusnya perbezaan yang ketiga pula adalah berkenaan aspek bidang kuasa hukuman. Bidang kuasa hukuman yang diperuntukkan dalam perundangan sivil adalah merangkumi seluruh penduduk di Malaysia manakala bidang kuasa hukuman dalam perundangan syariah pula hanya melibatkan orang Islam dan terhad kepada negeri-negeri sahaja.

Contohnya seperti kesalahan perempuan berkelakuan seperti lelaki. Bagi kesalahan ini, mahkamah syariah yang berbidang kuasa untuk menjatuhkan hukuman adalah mahkamah syariah negeri Pahang dan juga Sabah sahaja. Ini kerana peruntukan bagi kesalahan ini hanya digubal di dalam Dewan Undangan Negeri Pahang dan Sabah di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995.

Sekiranya kesalahan ini dilakukan di luar negeri Pahang dan Sabah, maka kesalahan ini tidak boleh didakwa. Berbeza dengan kesalahan yang diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan atau mana-mana akta perundangan sivil yang lain.

Contohnya seperti kesalahan berkelakuan tidak senonoh yang dilakukan oleh pondan bukan Islam dalam mana-mana negeri di Malaysia. Kesalahan ini boleh didakwa di bawah

Akta Kesalahan Kecil 1955 dan jika didapati bersalah boleh dikenakan hukuman denda maksimum sebanyak RM25 dan penjara maksimum 14 hari untuk kesalahan kali pertama dan denda maksimum RM100 atau penjara maksimum 3 bulan atau kedua-duanya sekali untuk setiap kesalahan yang berulang.

Perbezaan yang terakhir adalah dari segi keseragaman peruntukan dan hukuman. Disebabkan oleh bidang kuasa untuk mentadbir undang-undang syariah terletak di bawah bidang kuasa negeri, maka peruntukan undang-undang yang digubal mempunyai perbezaan antara negeri-negeri termasuklah dari segi hukuman yang dikenakan terhadap sesuatu kesalahan.

Contohnya seperti kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan. Sekiranya kesalahan ini dilakukan di Negeri Sembilan, hukuman yang akan dikenakan adalah denda tidak melebihi RM1000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali manakala di negeri Pahang hukuman yang dikenakan adalah denda tidak melebihi RM1000 atau penjara tidak melebihi tempoh 1 tahun atau kedua-duanya sekali. Ini menunjukkan bahawa hukuman yang diperuntukkan dalam undang-undang syariah adalah tidak seragam antara negeri-negeri.

Di samping itu juga peruntukan bagi sesuatu kesalahan juga tidak seragam dan berbeza-beza antara negeri. Misalnya peruntukan bagi kesalahan persetubuhan luar tabie di negeri Kelantan dinamakan sebagai kesalahan liwat manakala di negeri Selangor dinamakan sebagai kesalahan persetubuhan bertentangan dengan hukum tabie.

Malah terdapat juga negeri yang tidak menyediakan peruntukan bagi kesalahan persetubuhan luar tabie atau liwat ini contohnya di negeri Pahang. Bagi perundangan sivil pula, peruntukan dan hukuman bagi sesuatu kesalahan adalah seragam di seluruh Malaysia.

Ini kerana undang-undang Acara Sivil dan Jenayah serta Pentadbiran

Keadilan terletak di bawah bidang kuasa kerajaan Persekutuan yang mana peruntukan-peruntukan tersebut berkuat kuasa kepada seluruh rakyat di Malaysia termasuk orang Islam dan bukan Islam.

#### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Melalui perbincangan di atas, penulis dapat menyimpulkan bahawa kegiatan LGBT serta apa jua perlakuan yang berkaitan dengannya adalah tidak diiktiraf oleh perundangan syariah mahupun perundangan sivil di Malaysia.

Misalnya, perlakuan seks luar tabie atau perhubungan sejenis yang dilakukan oleh golongan LGBT adalah dilarang sama sekali bahkan ianya diklasifikasikan sebagai suatu jenayah di bawah Kanun Keseksaan dan enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri. Namun begitu masih terdapat beberapa kekurangan dari aspek peruntukan dan juga hukuman yang dikenakan terhadap kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan perlakuan LGBT.

Hukuman yang dikenakan dalam perundangan syariah adalah lebih rendah dan ringan berbanding perundangan sivil disebabkan oleh kekangan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) yang membataskan bidangkuasa mahkamah syariah bagi perkara-perkara jenayah bidang kuasa jenayah.

Oleh itu, pindaan terhadap Akta 355 perlu dibuat bagi memperluaskan had bidang kuasa jenayah mahkamah syariah untuk menjadikan peruntukan undang-undang syariah lebih efektif atau berkesan.

Selain itu, peruntukan serta hukuman dalam perundangan syariah juga didapati tidak seragam antara negeri. Penulis mencadangkan bahawa perlu wujud satu badan yang dapat mengawal selia penggubalan peruntukan kesalahan jenayah syariah antara negeri untuk menyelesaikan masalah ketidakseragaman peruntukan dan juga hukuman.

Kegagalan dalam menyelesaikan masalah ketidakseragaman ini akan menimbulkan tanda tanya di kalangan

masyarakat tentang apakah asas yang diambil kira oleh penggubal undang-undang syariah di dalam menentukan sesuatu bentuk hukuman (Jasri & Hasnizam, 2014).

Seterusnya, penulis juga berpendapat bahawa fatwa berkaitan pertukaran jantina perlulah digazetkan di dalam warta negeri masing-masing. Walaupun telah wujud peruntukan bagi kesalahan berkelakuan secara berlawanan jantina, usaha pewartaan fatwa ini boleh dijadikan alternatif untuk mengingatkan pelaku bahawa perbuatannya adalah salah di sisi Hukum Syarak dan juga undang-undang.

Bagi perundangan sivil pula, penulis mendapati bahawa terdapat satu peruntukan sahaja yang mengkhususkan kesalahan berkaitan LGBT iaitu peruntukan kesalahan persetubuhan luar tabie yang terdapat dalam Kanun Keseksaan. Selebihnya adalah peruntukan yang umum sahaja contohnya seperti Akta Perhimpunan Aman 2012 dan Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992, Akta Kesalahan Kecil 1955, Akta Hasutan 1948 dan juga Akta Komunikasi dan Multimedia 1988.

Peruntukan-peruntukan ini adalah tidak bersifat spesifik dan eksplisit dalam menangani gejala LGBT yang kian menular dalam masyarakat. Justeru itu, disyorkan bahawa suatu peruntukan yang mana merangkumi kesalahan seksual bebas dan luar tabi'e, kesalahan berkelakuan berlainan jantina, kesalahan menukar jantina, kesalahan mempromosi dan menggalakkan LGBT, kesalahan menghasut dan mempengaruhi orang awam ke arah LGBT digubal dibawah satu peruntukan kesalahan jenayah yang khusus.

Pihak kerajaan perlu mengambil inisiatif untuk menggubal peruntukan ini sama ada di peringkat persekutuan mahupun negeri. Dengan mewujudkan peruntukan undang-undang sedemikian, akan menunjukkan kepekaan dan keseriusan pihak kerajaan untuk membendung gejala yang menyalahi agama, budaya, tatasusila dan etika ini

(Arif et al., 2018). Selain itu, penambahbaikan terhadap peruntukan undang-undang sivil yang sedia ada dari aspek hukuman juga merupakan salah satu cara yang berkesan untuk menghalang kegiatan LGBT daripada terus berleluasa contohnya dengan meningkatkan lagi jumlah denda dan tempoh pemenjaraan bagi sesuatu kesalahan.

Akhir sekali penulis ingin menegaskan bahawa peruntukan undang-undang syariah dan undang-undang sivil yang sedia ada pada masa ini masih lagi relevan dan boleh diguna pakai untuk membendung gejala LGBT di Malaysia. Peruntukan-peruntukan telah digubal ini adalah selari dan tidak bertentangan sama sekali dengan apa-apa prinsip hak asasi manusia dan juga hak kebebasan diri yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan yang wujud bertujuan untuk memartabatkan lagi kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara dan juga bertujuan menyemai nilai-nilai moral dalam kalangan masyarakat agar tidak berlawanan dengan adat dan moral kemanusiaan.

## **RUJUKAN**

- al-Alusy, S. 2010. *Ruhul Maani Fi Tafsir Quran Al-Azim wa Sab'u Al-Mathani*. Beirut: Darul Kitab Al-Ilmiyah.
- al-Bigha, M. D. 1989. *Al-Tazhib fi Adillah Matan al-Ghayah wa al-Taqrīb*. Damsyik: Darul Ibn Kathir.
- al-Sabuni, M. A. 1980. *Rawaiul Bayan Fi Tafsir Ayat Ahkam*. Muassasah Manahilul Irfan: Maktabah Al-Ghazali.
- al-Tabrani. 1995. *Mu'jam Al-Awsat Darul-Haramain*
- Awal, N. A. 2017. *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan di Malaysia*. Selangor Darul Ehsan: International Law Book Services
- Esa, M. H. M. 2008. *Emosi Individu Gay Dalam Menjalani Kehidupan*. (Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian), Universiti Sarawak Malaysia, Sarawak.

- Ismail, S. Z. 2017. *Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- JAKIM. 2017. *Memahami Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender Dari Perspektif Seorang Muslim*. Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) & Yayasan Ihtimam Malaysia (YIM).
- Manzur, I. (1990). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Al-Sadir.

### Jurnal

- Arif, M. I. A. M., Shafie, M. S., Hanapi, H., & Hassan, F. M. 2018. Salah Laku LGBT Dalam Perundangan Malaysia: Undang-undang Sebagai Mekanisme Pembanterasan dan Kawalan. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*. 13(1), 19-34.
- Deraman, S., Hamjah, S. H., Mokhtar, A. I., Asikin, A. N. A. N., & Raffar, I. N. A. Z. 2017. Identifikasi Identiti Biseksual dan Hubungannya dengan Aspek Sokongan Sosial dan Kesihatan Mental dalam Kalangan Individu Biseksual di Melaka. *Al-Hikmah*, 9(2), 113-130.
- Haridi, N. H. M., & Salleh, N. M. 2016. Kumpulan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) Ancaman Terhadap Keamanan dan Keharmonian Beragama di Malaysia. *Islam Relitas: Journal of Islamic & Social Studies*, 2(2), 205-211.
- Jasri, J., & Hasnizam, H. 2014. Transformasi Mahkamah Syariah di Malaysia: Keperluan Kajian Semula Terhadap Bentuk Hukuman bagi Kes-Kes Jenayah Syariah. *Ulum Islamiyyah Journal*. 12, 87-103.
- Mahfuzah, M. 2015. Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender: Perspektif Undang-undang Jenayah Syariah. *Jurnal Universiti Utara Malaysia*. 19, 29-36.
- Sophie, J. 1986. A Critical Examination Of Stage Theories Of Lesbian Identity Development. *Journal of Homosexuality*. 12, 39-51.

- Zaini, N. 2005. Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia. *Islamiyyat*, 27(1), 25-44.
- Zakaria, N. B., & Dollah, M. Z. B. 2012. Fenomena LGBT Di Malaysia. *Jurnal Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)*. 5, 136.

### Akta

- Akta Hasutan 1948 (Akta 15)
- Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 (Akta 493).
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559).
- Akta Kesalahan Kecil 1955 (Akta 336).
- Akta Komunikasi dan Multimedia 1988 (Akta 588).
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505).
- Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736).
- Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.
- Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992.
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kelantan) 1985.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995.
- Kanun Keseksaan (Akta 574).

### Internet

- Baharin, H. B. (2018, 3 September). *Sebat Lesbian Bukti Serius Tangani LGBT*. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/09/469355/sebat-lesbian-bukti-serius-tangani-lgbt>
- Deraman, A. A. (2018, 22 Ogos). *Pengamal LGBT Lawan Akhlak Islam*. Utusan Online. <http://www.utusan.com.my/renca/utama/pengamal-lgbt-lawan-akhlak-islam-1.733645>
- Jamhari, F. (2018, 2 Januari). *Menangani LGBT*. Utusan Online. <http://www.utusan.com.my/renca>

- na/utama/menangani-lgbt-1.583131
- Media, P. (2018). Tentang Identiti Gender & Individu Dan Komuniti Transgender.  
<https://justiceforsisters.wordpress.com/2016/03/18/media-guides-panduan-media-bm-chinese/>
- Nasir, N. H. (2012, 27 April). Seks Luar Tabie.  
<http://www.myhealth.gov.my/seks-di-luar-tabii/>
- Utusan, O. (2018, 22 September). Tolak LGBT, Kahwin Sejenis. Utusan Online.  
<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/tolak-lgbt-kahwin-sejenis-1.752430>

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*